

**KONVENSIEN ANTARABANGSA TERHADAP
PENYEKATAN TINDAKAN
KEGANASAN NUKLEAR**



**PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU
2005**

Konvensyen Antarabangsa Terhadap Penyekatan Tindakan Keganasan Nuklear

Pihak-pihak Negara kepada Konvensyen ini,

Sambil mempertimbangkan tujuan dan prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan pengekalan keamanan dan keselamatan antarabangsa serta penggalakan semangat kejiranan dan hubungan dan kerjasama baik antara Negara,

Mengingati Perisytiharan Majlis Ulang Tahun Ke-50 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 24 Oktober 1995,

Mengakui hak semua Negara untuk membangun dan mengguna tenaga nuklear bagi tujuan aman dan kepentingan sah mereka dalam potensi faedah yang boleh didapati daripada pengamalan aman tenaga nuklear,

Mengenang Konvensyen Terhadap Perlindungan Fizikal Bahan Nuklear 1980,

Dengan kebimbangan serius terhadap peningkatan tindakan keganasan dalam semua bentuk dan cara di seluruh dunia,

Mengenang kembali Perisytiharan Langkah-langkah untuk Membasmi Keganasan Antarabangsa yang dilampirkan pada ketetapan Perhimpunan Agung 49/60 pada 9 Disember 1994, yang di dalamnya, antara lain, Negara-negara Anggota Bangsa-Bangsa Bersatu telah berikrar semula bersungguh-sungguh bahawa mereka mengutuk secara jelas semua tindakan, kaedah dan amalan keganasan sebagai jenayah dan tidak dapat dijustifikasikan, di mana-mana ia berlaku dan oleh sesiapa sahaja, termasuk pihak yang membahayakan hubungan baik antara Negara dan bangsa-bangsa dan mengancam keutuhan wilayah dan keselamatan Negara,

Memerhati yang Perisytiharan juga menggalakkan Negara untuk segera menyemak skop peruntukan perundangan antarabangsa yang sedia ada untuk pengelakan, penahanan dan pembasmian keganasan dalam semua bentuk dan caranya, dengan tujuan memastikan bahawa terdapat rangka kerja perundangan menyeluruh yang meliputi semua aspek hal ini,

Mengenang kembali ketetapan Perhimpunan Agung 51/210 pada 17 Disember 1996 dan Perisytiharan untuk Menambah pada Perisytiharan Langkah-langkah untuk Membasmi Keganasan Antarabangsa 1994 yang dilampirkan padanya,

Mengenang kembali juga bahawa, menurut ketetapan Perhimpunan Agung 51/210, sebuah jawatankuasa ad hoc telah ditubuhkan untuk membangunkan, antara lain, suatu konvensyen antarabangsa bagi penyekatan tindakan keganasan nuklear untuk menambah pada instrumen antarabangsa berkenaan yang sedia ada,

Memerhati yang tindakan keganasan nuklear mungkin menghasilkan akibat yang paling teruk dan mungkin mengancam keamanan dan keselamatan antarabangsa,

Memerhati juga bahawa peruntukan perundangan multilateral yang sedia ada tidak mencukupi untuk menangani serangan sedemikian,

Dengan keyakinan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk meningkatkan kerjasama antarabangsa antara Negara dalam perumusan serta penerimaan dan pengamalan langkah-langkah berkesan dan praktikal bagi pengelakan tindakan keganasan sedemikian dan untuk pendakwaan dan penghukuman pelaku mereka,

Memerhati bahawa aktiviti angkatan tentera Negara ditadbir oleh peraturan undang-undang antarabangsa di luar rangka kerja Konvensyen ini dan pengecualian tindakan tertentu daripada liputan Konvensyen ini tidak membenarkan atau menjadikan sah tindakan yang selainnya tidak sah, atau menghalang pendakwaan mengikut undang-undang lain,

Telah bersetuju seperti berikut:

Artikel 1

Bagi tujuan Konvensyen ini:

1. “Bahan radioaktif” bermaksud bahan nuklear dan bahan radioaktif lain yang mengandungi nuklid yang menjalani penyepaian spontan (proses yang diiringi oleh emisi satu atau lebih jenis sinaran pengion, seperti alfa-, beta-, zarah neutron dan sinaran gama) yang mungkin, kerana sifat radiologi atau boleh belah mereka, mengakibatkan kematian, kecederaan anggota serius atau kerosakan teruk pada harta atau alam sekitar.

2. “Bahan nuklear” bermaksud plutonium, kecuali yang mengandungi kepekatan isotopik melebihi 80 peratus dalam plutonium-238; uranium-233; uranium yang diperkaya dalam isotop 235 atau 233; uranium yang mengandungi campuran isotop sepertimana yang boleh didapati secara semula jadi selain daripada bentuk bijih atau sisa bijih; atau mana-mana bahan yang mengandungi satu atau lebih daripada yang disebut di atas;

Yang dengannya “uranium diperkaya dalam isotop 235 atau 233” bermaksud uranium yang mengandungi isotop 235 atau 233 atau kedua-duanya dalam amaun yang nisbah limpah isotop-isotop ini bersama berbanding isotop 238 adalah lebih tinggi daripada nisbah isotop 235 berbanding isotop 238 yang berlaku secara semula jadi.

3. “Kemudahan nuklear” bermaksud:

(a) Sebarang reaktor nuklear, termasuk reaktor yang dipasang pada kapal, kenderaan, pesawat udara atau objek angkasa lepas untuk kegunaan sebagai sumber tenaga yang menggerakkan kapal, kenderaan, pesawat udara atau objek angkasa lepas tersebut atau untuk apa-apa tujuan lain;

(b) Sebarang loji atau kenderaan yang digunakan untuk pengeluaran, penyimpanan, pemprosesan atau pengangkutan bahan radioaktif.

4. “Peranti” bermaksud:

(a) Sebarang peranti letupan nuklear; atau

(b) Sebarang peranti penyebaran bahan radioaktif atau yang mengeluarkan sinaran yang mungkin, kerana sifat radiologinya, mengakibatkan kematian, kecederaan anggota serius atau kerosakan teruk pada harta atau alam sekitar.

5. “Kemudahan negara atau kerajaan” termasuk sebarang kemudahan atau kenderaan tetap atau sementara yang digunakan atau dikuasai oleh wakil Negara, ahli Kerajaan, badan perundangan atau badan kehakiman atau pegawai atau pekerja Negara atau mana-mana pihak berkuasa atau entiti awam lain atau oleh pekerja atau pegawai organisasi antara kerajaan berhubungan dengan tugas rasmi mereka.

6. “Angkatan tentera Negara” bermaksud angkatan tentera Negara yang diurus, dilatih dan dilengkapi mengikut undang-undang dalam negerinya untuk tujuan penting pertahanan atau keselamatan nasional dan individu yang bertindak untuk menyokong angkatan tentera itu yang terletak di bawah pemerintahan, kawalan dan tanggungjawab rasmi mereka.

Artikel 2

1. Mana-mana individu melakukan kesalahan mengikut maksud Konvensyen ini jika individu tersebut secara tidak sah dan sengaja:

(a) Memiliki bahan radioaktif atau membuat atau memiliki peranti:

(i) Dengan tujuan untuk menyebabkan kematian atau kecederaan anggota serius; atau

(ii) Dengan tujuan untuk menyebabkan kerosakan teruk pada harta atau alam sekitar;

(b) Menggunakan dalam apa jua cara bahan radioaktif atau peranti, atau menggunakan atau merosakkan kemudahan nuklear dalam cara yang mengeluarkan atau berisiko mengeluarkan bahan radioaktif;

(i) Dengan tujuan untuk menyebabkan kematian atau kecederaan anggota serius; atau

(ii) Dengan tujuan untuk menyebabkan kerosakan teruk pada harta atau alam sekitar; atau

(iii) Dengan tujuan untuk memaksa orang sebenar atau di sisi undang-undang, organisasi antarabangsa atau Negara melakukan atau menahan diri daripada melakukan sesuatu tindakan.

2. Mana-mana individu juga melakukan kesalahan jika individu itu:

(a) Mengancam, di bawah keadaan yang menunjukkan kebolehpercayaan ancaman tersebut, untuk melakukan kesalahan seperti yang dikemukakan dalam perenggan 1 (b) artikel ini; atau

(b) Meminta secara tidak sah dan sengaja bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear melalui ancaman, di bawah keadaan yang menunjukkan kebolehpercayaan ancaman tersebut, atau melalui penggunaan kekerasan.

3. Mana-mana individu juga melakukan kesalahan jika individu itu cuba melakukan kesalahan seperti yang dikemukakan dalam perenggan 1 artikel ini.

4. Mana-mana individu juga melakukan kesalahan jika individu itu:

(a) Menyertai bersama sebagai rakan sejenayah dalam kesalahan seperti yang dikemukakan dalam perenggan 1, 2 atau 3 artikel ini; atau

(b) Mengurus atau mengarahkan orang lain untuk melakukan kesalahan seperti yang dikemukakan dalam perenggan 1, 2 atau 3 artikel ini; atau

(c) Dalam apa jua cara lain menyumbang pada kelakuan satu atau lebih kesalahan seperti yang dikemukakan dalam perenggan 1, 2 atau 3 artikel ini oleh sekumpulan orang yang bertindak untuk tujuan bersama; sumbangan sedemikian adalah sengaja dan sama ada dilakukan untuk menjayakan aktiviti atau tujuan jenayah kumpulan tersebut atau dilakukan dengan kesedaran tentang niat kumpulan tersebut untuk melakukan kesalahan terlibat.

Artikel 3

Konvensyen ini tidak diguna pakai jika kesalahan dilakukan di dalam sebuah Negara tunggal, pesalah yang dikatakan dan mangsa ialah warganegara Negara itu, pesalah yang dikatakan ditemui di dalam wilayah Negara itu dan tiada Negara lain memiliki hak mengikut artikel 9, perenggan 1 atau 2 untuk melaksanakan bidang kuasa, kecuali yang peruntukan artikel 7, 12, 14, 15, 16 dan 17 akan, jika sesuai, diguna pakai dalam kes tersebut.

Artikel 4

1. Tiada apa pun di dalam Konvensyen ini akan menjejaskan hak, kewajipan dan tanggungjawab lain Negara dan individu mengikut undang-undang antarabangsa, khususnya tujuan dan prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

2. Aktiviti angkatan tentera semasa konflik bersenjata, sepertimana istilah itu ditafsirkan mengikut undang-undang kemanusiaan antarabangsa, yang ditadbir oleh undang-undang itu tidak ditadbir oleh Konvensyen ini, dan aktiviti yang dilakukan oleh angkatan tentera Negara dalam pelaksanaan tugas rasmi mereka, oleh sebab mereka ditadbir oleh peraturan lain undang-undang antarabangsa, tidak ditadbir oleh Konvensyen ini.

3. Peruntukan dalam perenggan 2 artikel ini tidak harus ditafsirkan sebagai membenarkan atau menjadikan sah tindakan yang selainnya tidak sah, atau menghalang pendakwaan mengikut undang-undang lain.

4. Konvensyen ini tidak menangani, dan tidak boleh ditafsirkan sebagai menangani, dalam apa jua cara, isu kesahan penggunaan atau ancaman penggunaan senjata nuklear oleh Negara.

Artikel 5

Setiap Pihak Negara akan menerima dan mengamalkan langkah-langkah yang mungkin perlu:

- (a) Untuk menubuhkan sebagai kesalahan jenayah mengikut undang-undang nasionalnya kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2;
- (b) Untuk menjadikan kesalahan itu boleh dihukum oleh penalti yang sewajarnya yang mengambil kira sifat serius kesalahan ini.

Artikel 6

Setiap Pihak Negara akan menerima dan mengamalkan langkah-langkah yang mungkin perlu, termasuk, jika wajar, undang-undang domestik, untuk menjamin bahawa tindakan jenayah yang termasuk di dalam skop Konvensyen ini, khususnya apabila tindakan tersebut bertujuan untuk atau diperhitungkan dapat menggentarkan orang awam atau sekumpulan individu atau individu tertentu, dalam apa jua cara tidak dianggap sah kerana sebab politik, falsafah, ideologi, ras, etnik, agama atau sebab yang bersifat sepadan dan boleh dihukum dengan penalti yang sejajar dengan sifat seriusnya.

Artikel 7

1. Pihak-pihak Negara akan bekerjasama dengan:

(a) Mengambil semua langkah yang boleh dipraktikkan, termasuk, jika perlu, menyesuaikan undang-undang nasional mereka, untuk mengelak dan membalas persediaan di dalam wilayah mereka masing-masing untuk kelakuan di dalam atau di luar wilayah mereka kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2, termasuk langkah-langkah untuk menghalang di dalam wilayah mereka aktiviti yang menyalahi undang-undang oleh individu, kumpulan dan organisasi yang menggalakkan, menghasut, mengurus, sengaja membiayai atau sengaja menghulurkan bantuan teknikal atau maklumat atau mengikut bersama dalam kelakuan kesalahan sedemikian;

(b) Bertukar maklumat yang tepat dan disahkan mengikut undang-undang nasional mereka dan dalam cara serta tertakluk pada syarat yang dinyatakan di dalam ini, dan menyelaraskan langkah pentadbiran dan langkah lain yang sewajarnya untuk mengesan, mengelak, menahan dan menyiasat kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 dan juga untuk memulakan prosiding jenayah terhadap individu yang dikatakan telah melakukan jenayah itu. Khususnya, Pihak Negara akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk segera memaklumkan Negara lain yang dirujuk dalam artikel 9 berkenaan kelakuan kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 di samping persediaan untuk melakukan kesalahan yang diketahuinya, dan juga untuk memaklumkan, jika wajar, organisasi antarabangsa.

2. Pihak-pihak Negara akan mengambil langkah-langkah yang sejajar dengan undang-undang nasional mereka untuk melindungi kerahsiaan apa-apa maklumat yang mereka terima secara sulit melalui peruntukan Konvensyen ini daripada

Pihak Negara lain atau melalui penyertaan di dalam aktiviti yang dijalankan untuk pelaksanaan Konvensyen ini. Jika Pihak-pihak Negara menyediakan maklumat kepada organisasi antarabangsa secara sulit, langkah-langkah akan diambil untuk menjamin bahawa kesulitan maklumat sedemikian dilindungi.

3. Pihak-pihak Negara tidak diperlukan oleh Konvensyen ini untuk menyediakan sebarang maklumat yang mereka tidak dibenarkan untuk berkongsi mengikut undang-undang nasional atau yang mungkin membahayakan keselamatan Negara berkenaan atau perlindungan fizikal bahan nuklear.

4. Pihak-pihak Negara akan memaklumkan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang pihak berkuasa kompeten dan titik hubungan mereka yang bertanggungjawab untuk penghantaran dan penerimaan maklumat yang dirujuk dalam artikel ini. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan menyampaikan maklumat tersebut berkenaan pihak berkuasa kompeten dan titik hubungan kepada semua Pihak Negara dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa. Pihak berkuasa dan titik hubungan sedemikian mesti dapat dicapai secara berterusan.

Artikel 8

Bagi tujuan mengelakkan kesalahan di bawah Konvensyen ini, Pihak-pihak Negara akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menerima dan mengamalkan langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjamin bahawa perlindungan bahan radioaktif, mengambil kira cadangan relevan serta fungsi Agensi Tenaga Atom Antarabangsa.

Artikel 9

1. Setiap Pihak Negara akan mengambil langkah-langkah yang mungkin perlu untuk menubuhkan bidang kuasa ke atas kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 apabila:

(a) Kesalahan dilakukan di dalam wilayah Negara itu; atau

(b) Kesalahan dilakukan di atas kapal yang memakai bendera Negara itu atau pesawat udara yang didaftarkan di bawah undang-undang Negara itu pada waktu kesalahan dilakukan; atau

(c) Kesalahan dilakukan oleh warganegara Negara itu.

2. Pihak Negara juga boleh menubuhkan bidang kuasa ke atas mana-mana kesalahan apabila:

(a) Kesalahan dilakukan terhadap warganegara Negara itu; atau

(b) Kesalahan dilakukan terhadap Negara atau kemudahan kerajaan Negara itu di luar negara, termasuk kedutaan atau premis diplomatik atau konsul Negara itu; atau

(c) Kesalahan dilakukan oleh orang tak bernegara yang tempat tinggal biasanya terletak di dalam wilayah Negara itu; atau

(d) Kesalahan dilakukan sebagai percubaan untuk memaksa Negara itu melakukan atau menahan diri daripada melakukan sebarang tindakan; atau

(e) Kesalahan dilakukan di atas pesawat udara yang dikendalikan oleh Kerajaan Negara itu.

3. Setelah meratifikasi, menerima, meluluskan atau menyetujui Konvensyen ini, setiap Pihak Negara akan memaklumkan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang bidang kuasa yang ditubuhkannya di bawah undang-undang nasionalnya mengikut perenggan 2 artikel ini. Jika sebarang perubahan berlaku, Pihak Negara berkenaan akan segera memaklumkan Setiausaha Agung.

4. Demikian juga, setiap Pihak Negara akan mengambil langkah-langkah yang mungkin perlu untuk menubuhkan bidang kuasanya ke atas kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 dalam keadaan pelaku yang dikatakan hadir di dalam wilayahnya dan ia tidak menyerah balik individu tersebut kepada mana-mana Pihak Negara yang telah menubuhkan bidang kuasa mereka mengikut perenggan 1 atau 2 artikel ini.

5. Konvensyen ini tidak mengecualikan pelaksanaan sebarang bidang kuasa jenayah yang ditubuhkan oleh Pihak Negara mengikut undang-undang nasionalnya.

Artikel 10

1. Setelah menerima maklumat bahawa kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 telah dilakukan atau sedang dilakukan di dalam wilayah Pihak Negara atau bahawa seorang individu yang telah melakukan atau dikatakan telah melakukan kesalahan sedemikian hadir di dalam wilayahnya, Pihak Negara berkenaan akan mengambil langkah-langkah yang mungkin perlu di bawah undang-undang nasionalnya untuk menyiasat fakta yang terkandung di dalam maklumat tersebut.

2. Setelah berpuas hati bahawa keadaan memerlukannya, Pihak Negara yang wilayahnya pelaku atau pelaku yang dikatakan hadir akan mengambil langkah-langkah yang sesuai di bawah undang-undang nasionalnya untuk menjamin kehadiran individu itu bagi tujuan pendakwaan atau penyerahan balik.

3. Mana-mana individu yang menghadapi langkah-langkah yang dirujuk dalam perenggan 2 artikel ini berhak untuk:

(a) Segera berhubung dengan wakil sesuai terdekat Negara yang individu itu memegang kewarganegaraan atau yang selainnya berhak untuk melindungi hak individu itu atau, jika individu itu orang tak bernegara, Negara yang wilayahnya individu itu biasanya tinggal;

(b) Dilawati oleh wakil negara itu;

(c) Dimaklumkan tentang hak individu itu di bawah subperenggan (a) dan (b).

4. Hak yang dirujuk dalam perenggan 3 artikel ini akan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan Negara yang wilayahnya pelaku atau pelaku yang dikatakan hadir, tertakluk pada

keperluan yang undang-undang dan peraturan tersebut mesti membenarkan penggunaan penuh hak yang diberikan di bawah perenggan 3 mengikut tujuan yang dirancangnya.

5. Peruntukan perenggan 3 dan 4 artikel ini tidak akan menjejaskan hak mana-mana Pihak Negara yang menuntut bidang kuasa menurut artikel 9, perenggan 1 (c) atau 2 (c), untuk menjemput Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa berhubung dengan dan melawat pelaku yang dikatakan.

6. Apabila Pihak Negara, menurut artikel ini, menahan seseorang individu, ia akan segera memaklumkan, secara langsung atau melalui Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pihak-pihak Negara yang telah menubuhkan bidang kuasa mengikut artikel 9, perenggan 1 dan 2, dan jika ia menganggapnya wajar, mana-mana Pihak Negara lain yang berminat, bahawa individu tersebut telah ditahan dan tentang keadaan yang memerlukan penahanan individu itu. Negara yang melakukan penyiasatan yang disebut dalam perenggan 1 artikel ini akan segera memaklumkan Pihak-pihak Negara yang disebut tentang hasil siasatannya dan akan menandakan jika ia bertujuan untuk melaksanakan bidang kuasa.

Artikel 11

1. Pihak Negara yang wilayahnya pelaku yang dikatakan hadir akan, dalam kes yang berkenaan dengan artikel 9, jika ia tidak menyerah balik individu itu, bertanggungjawab, tanpa apa-apa pengecualian pun dan tanpa mengira jika kesalahan dilakukan di dalam wilayahnya atau tidak, untuk segera menyerahkan kes tersebut kepada pihak berkuasa kompetennya bagi tujuan pendakwaan, melalui prosiding menurut undang-undang Negara itu. Pihak berkuasa tersebut akan membuat keputusan mereka melalui cara yang sama seperti dalam kes bagi apa-apa kesalahan serius lain menurut undang-undang Negara itu.

2. Apabila Pihak Negara dibenarkan di bawah undang-undang nasionalnya untuk menyerah balik atau selainnya menyerah seseorang daripada warganegaranya hanya dengan syarat bahawa individu tersebut akan dikembalikan kepada Negara itu untuk menghabiskan tempoh hukuman yang dikenakan hasil daripada perbicaraan atau prosiding yang penyerahan balik atau penyerahan individu itu dituntut, dan Negara ini serta Negara yang menuntut penyerahan balik individu tersebut bersetuju dengan pilihan ini dan sebarang syarat lain yang mereka anggap sesuai, penyerahan balik atau penyerahan bersyarat sedemikian adalah mencukupi untuk melepaskan kewajipan yang dikemukakan dalam perenggan 1 artikel ini.

Artikel 12

Mana-mana individu yang telah ditahan atau menghadapi sebarang langkah lain atau prosiding yang dijalankan menurut Konvensyen ini akan dijamin layanan adil, termasuk penikmatan semua hak dan jaminan yang mematuhi undang-undang Negara yang wilayahnya

individu tersebut hadir serta peruntukan undang-undang antarabangsa yang berkenaan, termasuk undang-undang hak asasi manusia antarabangsa.

Artikel 13

1. Kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 akan dianggap termasuk sebagai kesalahan boleh serah balik dalam sebarang perjanjian penyerahan balik yang sedia ada antara mana-mana Pihak Negara sebelum Konvensyen ini berkuat kuasa. Pihak-pihak Negara akan berusaha untuk memasukkan kesalahan sedemikian sebagai kesalahan boleh serah balik dalam setiap perjanjian penyerahan balik yang diikat antara mereka selepas ini.
2. Apabila Pihak Negara yang mensyaratkan bahawa penyerahan balik didahulukan dengan perjanjian menerima permintaan untuk penyerahan balik daripada Pihak Negara lain yang tidak memiliki perjanjian penyerahan balik, Pihak Negara yang diminta boleh, mengikut pilihannya, mempertimbangkan Konvensyen ini sebagai dasar perundangan untuk penyerahan balik berkenaan dengan kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2. Penyerahan balik tertakluk pada syarat lain yang diperlukan oleh undang-undang Negara yang diminta.
3. Pihak-pihak Negara yang tidak mensyaratkan bahawa penyerahan balik didahulukan dengan perjanjian akan mengiktiraf kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 sebagai kesalahan boleh serah balik sesama sendiri, tertakluk pada syarat yang diperlukan oleh undang-undang Negara yang diminta.
4. Jika perlu, kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 akan dilayan, bagi tujuan penyerahan balik antara Pihak-pihak Negara, seperti kesalahan tersebut dilakukan bukan hanya di tempat ia berlaku tetapi juga di dalam wilayah Negara yang telah menubuhkan bidang kuasa menurut artikel 9, perenggan 1 dan 2.
5. Peruntukan semua perjanjian dan persetujuan penyerahan balik antara Pihak-pihak Negara berkenaan kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 akan dianggap digubah suai antara Pihak-pihak Negara setakat mana mereka bertentangan dengan Konvensyen ini.

Artikel 14

1. Pihak-pihak Negara akan menghulurkan sebanyak bantuan yang boleh sesama sendiri berkenaan penyiasatan atau prosiding jenayah atau penyerahan balik yang dijalankan hasil daripada kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2, termasuk bantuan dalam mendapatkan bukti yang dimiliki oleh mereka untuk prosiding yang perlu.
2. Pihak-pihak Negara akan melaksanakan kewajipan mereka di bawah perenggan 1 artikel ini menurut sebarang perjanjian atau persetujuan lain tentang bantuan perundangan bersama yang mungkin wujud antara mereka. Tanpa perjanjian atau persetujuan sedemikian, Pihak-pihak Negara akan menghulurkan bantuan sesama sendiri menurut undang-undang nasional mereka.

Artikel 15

Tiada satu pun daripada kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 akan dianggap, bagi tujuan penyerahan balik atau bantuan perundangan bersama, sebagai kesalahan politik atau sebagai kesalahan yang berkaitan dengan kesalahan politik atau sebagai kesalahan yang berasal daripada motif politik Oleh yang demikian, permintaan untuk penyerahan balik atau untuk bantuan perundangan bersama berdasarkan kesalahan seperti itu tidak boleh ditolak hanya kerana ia berkenaan kesalahan politik atau kesalahan yang berkaitan dengan kesalahan politik atau kesalahan yang berasal daripada motif politik.

Artikel 16

Tiada apa pun di dalam Konvensyen ini akan ditafsirkan sebagai mengenakan kewajiban untuk menyerah balik atau menghulur bantuan perundangan bersama jika Pihak Negara yang diminta memiliki sebab yang penting untuk mempercayai bahawa permintaan untuk penyerahan balik bagi kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 atau untuk bantuan perundangan bersama berkaitan dengan kesalahan sedemikian telah dibuat untuk tujuan mendakwa atau menghukum seseorang individu atas sebab ras, agama, kewarganegaraan, asal usul etnik atau pendapat politik atau pematuhan dengan permintaan tersebut akan menjejaskan kedudukan individu itu untuk mana-mana daripada sebab ini.

Artikel 17

1. Individu yang ditahan atau yang sedang menghabiskan tempoh hukuman di wilayah sesebuah Pihak Negara yang kehadirannya diminta di Pihak Negara lain untuk tujuan testimoni, pengenalpastian atau secara lainnya memberikan bantuan dalam pengumpulan bukti untuk penyiasatan atau pendakwaan kesalahan di bawah Konvensyen ini mungkin dipindahkan jika syarat berikut dipenuhi:

(a) Individu tersebut memberikan persetujuan termaklumnya secara bebas; dan

(b) Pihak berkuasa kompeten kedua-dua Negara bersetuju, tertakluk pada syarat yang Negara tersebut anggap sesuai.

2. Bagi tujuan artikel ini:

(a) Negara yang menerima individu yang dipindahkan akan mempunyai kuasa dan kewajiban untuk mengekalkan individu yang dipindahkan dalam tahanan, kecuali jika diminta atau dibenarkan oleh Negara yang memindahkan individu itu;

(b) Negara yang menerima individu yang dipindahkan akan segera melaksanakan kewajibannya untuk memulangkan individu tersebut dalam tahanan Negara yang memindahkan individu itu, seperti yang dipersetujui terlebih dahulu, atau seperti yang selainnya dipersetujui, oleh pihak berkuasa kompeten kedua-dua Negara;

(c) Negara yang menerima individu yang dipindahkan tidak akan memerlukan Negara yang memindahkan individu tersebut untuk memulakan prosiding penyerahan balik untuk pemulangan individu itu;

(d) Individu yang dipindahkan akan menerima kredit untuk tempoh hukuman yang dihabiskan di Negara yang memindahkannya di dalam tahanan Negara yang menerima pemindahannya.

3. Kecuali jika Pihak Negara yang memindahkan individu menurut artikel ini bersetuju, individu itu, tanpa mengira kewarganegaraannya, tidak akan didakwa atau ditahan atau tertakluk pada sebarang sekatan lain ke atas kebebasan peribadinya di dalam wilayah Negara yang menerima pemindahan individu itu yang berkaitan dengan tindakan atau sabitan yang dikenakan sebelum perjalanannya dari wilayah Negara yang memindahkan individu tersebut.

Artikel 18

1. Setelah menyita atau selainnya mengambil kawalan ke atas bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear, mengikut kelakuan kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2, Pihak Negara yang memiliki item sedemikian akan:

(a) Mengambil langkah untuk menjadikan bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear tersebut tidak lagi berbahaya;

(b) Memastikan yang sebarang bahan nuklear ditahan mengikut garis panduan keselamatan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa yang berkenaan; dan

(c) Mematuhi nasihat perlindungan fizikal dan kesihatan dan standard keselamatan yang diterbitkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa.

2. Selepas penyelesaian sebarang prosiding yang berkaitan dengan kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2, atau lebih awal jika diperlukan oleh undang-undang antarabangsa, sebarang bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear akan dipulangkan, selepas perundingan (khususnya tentang modaliti pemulangan dan penyimpanan) bersama Pihak-pihak Negara yang berkenaan dengan Pihak Negara yang merupakan pemilik sahnya, dengan Pihak Negara yang orang sebenar atau di sisi undang-undang yang memiliki bahan radioaktif, peranti atau kemudahan sedemikian ialah warganegara atau penduduk, atau dengan Pihak Negara yang menjadi wilayah asal barangan sedemikian dicuri atau selainnya didapati secara tidak sah.

3. (a) Di mana-mana Pihak Negara dilarang oleh undang-undang nasional atau antarabangsa daripada memulangkan atau menerima bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear sedemikian atau di mana-mana Pihak Negara yang berkenaan bersetuju, tertakluk pada perenggan 3 (b) artikel ini, Pihak Negara yang memiliki bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear akan terus mengambil langkah yang dihuraikan dalam perenggan 1 artikel ini; bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear sedemikian akan digunakan hanya untuk tujuan aman;

(b) Di mana-mana ia tidak sah untuk Pihak Negara memiliki bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear, Negara itu akan memastikan bahawa

item tersebut dipindahkan ke dalam milik Negara yang sah memiliki item itu, dan jika sesuai, telah memberikan jaminan yang konsisten dengan keperluan perenggan 1 artikel ini dalam perundingan bersama Negara itu, untuk tujuan menjadikan item tersebut tidak lagi berbahaya; bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear sedemikian akan hanya digunakan untuk tujuan aman.

4. Jika bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear yang dirujuk dalam perenggan 1 dan 2 artikel ini tidak dimiliki oleh mana-mana Pihak Negara atau warganegara atau penduduk Pihak Negara atau tidak dicuri atau selainnya tidak didapatkan secara tak sah dari wilayah Pihak Negara, atau jika tiada Negara sanggup menerima item sedemikian menurut perenggan 3 artikel ini, keputusan berasingan berkenaan pelupusan item tersebut akan, tertakluk pada perenggan 3 (b) artikel ini, akan diambil selepas perundingan bersama Negara yang berkenaan dan mana-mana organisasi antarabangsa relevan lain.

5. Bagi tujuan perenggan 1, 2, 3 dan 4 artikel ini, Pihak Negara yang memiliki bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear boleh meminta bantuan dan kerjasama Pihak-pihak Negara lain, khususnya Pihak-pihak Negara yang berkenaan, dan mana-mana organisasi antarabangsa relevan lain, khususnya Agensi Tenaga Atom Antarabangsa. Pihak-pihak Negara dan organisasi antarabangsa relevan digalakkan untuk memberikan bantuan menurut perenggan ini sebanyak mana yang boleh.

6. Pihak-pihak Negara yang terlibat dalam pelupusan atau penyimpanan bahan radioaktif, peranti atau kemudahan nuklear menurut artikel ini akan memaklumkan Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa tentang cara item sedemikian dilupuskan atau disimpan. Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa akan menyiarkan maklumat tersebut kepada Pihak-pihak Negara lain.

7. Jika sebarang penyebaran berkaitan dengan kesalahan yang dikemukakan dalam artikel 2 berlaku, tiada apa pun di dalam artikel ini akan menjejaskan dalam apa jua cara peraturan undang-undang antarabangsa yang mentadbir liabiliti untuk kerosakan nuklear, atau peraturan lain undang-undang antarabangsa.

Artikel 19

Pihak Negara yang mendakwa pelaku yang dikatakan akan, menurut undang-undang nasionalnya atau prosedur yang berkenaan, menyampaikan hasil terakhir prosiding kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang akan menyampaikan maklumat tersebut kepada Pihak-pihak Negara lain.

Artikel 20

Pihak-pihak Negara akan mengadakan perundingan sesama sendiri secara langsung atau melalui Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan bantuan

organisasi antarabangsa mengikut keperluan, untuk menjamin pelaksanaan berkesan Konvensyen ini.

Artikel 21

Pihak-pihak Negara akan menjalankan kewajipan mereka di bawah Konvensyen ini dalam cara yang sejajar dengan prinsip kedaulatan saksama dan keutuhan wilayah Negara dan prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal domestik Negara lain.

Artikel 22

Tiada apa pun di dalam Konvensyen ini memberikan hak kepada Pihak Negara untuk melakukan di dalam wilayah Pihak Negara lain pelaksanaan bidang kuasa dan perjalanan fungsi yang menjadi hak eksklusif pihak berkuasa Pihak Negara lain itu menurut undang-undang nasionalnya.

Artikel 23

1. Sebarang pertikaian antara dua atau lebih Pihak Negara berkenaan pentafsiran atau pengamalan Konvensyen ini yang tidak boleh diselesaikan melalui perundingan dalam tempoh masa yang munasabah akan, atas permintaan salah satu daripada pihak tersebut, diserahkan untuk penimbangtaraan. Jika, dalam tempoh enam bulan daripada tarikh permintaan untuk penimbangtaraan, pihak-pihak tidak dapat bersetuju tentang penyelarasan penimbangtaraan, mana-mana daripada pihak tersebut boleh merujuk pertikaian itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa, melalui permohonan, menurut Statut Mahkamah.

2. Setiap Negara boleh, pada waktu penandatanganan, ratifikasi, penerimaan atau kelulusan Konvensyen ini atau persetujuan padanya, mengisytiharkan bahawa ia tidak menganggap dirinya diikat oleh perenggan 1 artikel ini. Pihak-pihak Negara lain tidak akan diikat oleh perenggan 1 berkenaan dengan mana-mana Pihak Negara yang membuat reservasi sedemikian.

3. Mana-mana Negara yang membuat reservasi mengikut perenggan 2 artikel ini boleh, pada bila-bila masa, menarik balik reservasi itu dengan memaklumkan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Artikel 24

1. Konvensyen ini akan dibuka untuk penandatanganan oleh semua Negara dari 14 September 2005 hingga 31 Disember 2006 di Ibu Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.

2. Konvensyen ini tertakluk pada ratifikasi, penerimaan atau kelulusan. Instrumen ratifikasi, penerimaan atau kelulusan akan disimpan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

3. Konvensyen ini akan dibuka kepada persetujuan oleh mana-mana Negara. Instrumen persetujuan akan disimpan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Artikel 25

1. Konvensyen ini akan berkuat kuasa pada hari ke-30 berikutan tarikh penyimpanan instrumen dua puluh saat ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau persetujuan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

2. Untuk setiap Negara yang meratifikasi, menerima, melulusi atau menyetujui Konvensyen selepas penyimpanan instrumen dua puluh saat ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau persetujuan, Konvensyen akan berkuat kuasa pada hari ke-30 selepas penyimpanan instrumen ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau persetujuan oleh Negara sedemikian.

Artikel 26

1. Pihak Negara boleh mencadangkan pindaan pada Konvensyen ini. Pindaan yang dicadangkan akan diserahkan kepada pemegang simpanan, yang menyampaikannya dengan segera kepada semua Pihak Negara.

2. Jika majoriti Pihak Negara meminta pemegang simpanan untuk mengadakan persidangan untuk mempertimbangkan pindaan yang dicadangkan, pemegang simpanan akan menjemput semua Pihak Negara supaya menghadiri persidangan sedemikian yang akan bermula tidak lebih awal daripada tiga bulan selepas jemputan dikeluarkan.

3. Persidangan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan yang pindaan diterima dan diamalkan melalui konsensus. Jika ini tidak dapat dilakukan, pindaan akan diterima dan diamalkan oleh majoriti dua pertiga semua Pihak Negara. Sebarang pindaan yang diterima dan diamalkan di persidangan akan segera disampaikan oleh pemegang simpanan kepada semua Pihak Negara.

4. Pindaan yang diterima dan diamalkan menurut perenggan 3 artikel ini akan berkuat kuasa untuk setiap Pihak Negara yang menyimpan instrumen ratifikasi, penerimaan, persetujuan atau kelulusan pindaannya pada hari ke-30 selepas tarikh yang dua pertiga daripada Pihak Negara menyimpan instrumen berkenaan mereka. Selepas itu, pindaan akan terus berkuat kuasa untuk mana-mana Pihak Negara pada hari ke-30 selepas tarikh yang Negara itu menyimpan instrumen berkenaannya.

Artikel 27

1. Mana-mana Pihak Negara boleh mengadukan Konvensyen ini melalui pemberitahuan bertulis kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
2. Pengaduan akan berkuat kuasa setahun selepas tarikh yang pemberitahuan diterima oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Artikel 28

Salinan asal Konvensyen ini, yang teks bahasa Arab, Cina, Inggeris, Perancis, Rusia dan Sepanyol dianggap sama tulen, akan disimpan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang akan menghantar salinan yang disahkannya ke semua Negara.

BAGI MENYAKSIKAN DARIPADANYA, pihak yang bertandatangan di bawah, yang diberikan kuasanya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Konvensyen ini, dibuka untuk penandatanganan di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York pada 14 September 2005.